

Headline	Tragedi MH370 uji semangat patriotisme kita		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	33	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	360 cm ²
Journalist	NASRUDIN MOHAMMED	AdValue	RM 12,141
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,423



Tragedi MH370 uji semangat patriotisme kita

Rakyat patut lebih bertanggungjawab



Rentetan pelbagai peristiwa yang berkaitan dengan tragedi MH370 seharusnya menjadi bahan pelajaran yang sangat bernilai untuk mendalami aspek kenegaraan dalam kalangan warganegara.

Unsur perhubungan antarabangsa, penguasaan teknologi tinggi, kemahiran dan keupayaan perundingan, pemetaan dan analisis kaedah strategik serta aliran sentimen dan kematangan warganegara menjadikan pembangunan sesebuah negara sebagai petunjuk kewibawaan dan kematapan politik kerajaan.

Tidaklah sesukar itu untuk membaca darjah patriotisme setiap warganegara apabila kerajaan diduga dengan ujian yang berat sama ada dari dalam mahupun luar negara. Setidak-tidaknya, itulah yang tergambar daripada sentimen berlebihan yang dihamburkan melalui kelebihan komunikasi di ruang siber khususnya.

Ini memberi sedikit petanda bahawa negara sedang berhadapan dengan isu patriotisme yang sangat berbahaya. Kebencian diluahkan tanpa berselindung, yang kebanyakannya sangat mirip dengan cara 'ikut-ikutan' menyerlahkan gejala bahawa warganegara terhasut dengan maklumat mentah dan lemah yang diperoleh secara mudah daripada pelbagai sumber.

Suka atau tidak, ini selalunya dikaitkan dengan 'politik'. Kebenaran tidak dicari sesungguh mungkin kerana ia sesuatu yang dirasakan tidak perlu atas alasan bahawa 'kebenaran akhirnya akan muncul jua'.

Urusan mentadbir masyarakat

Politik berkait dengan urusan mentadbir masyarakat. Menurut dimensi politik, pentadbiran pembangunan bersangkutan dengan beberapa aspek penting, khususnya dalam soal yang berhubungan dengan susun-aturn dan kesejahteraan rakyat umum.

Di sinilah pentingnya falsafah dan ideologi di sebalik sistem politik serta aspirasi rakyat. Dalam perkara ini, falsafah yang mendasari sistem politik tersebut boleh dianggap sebagai penyokong kepada usaha pembangunan yang akan dilaksanakan. Perkara ini ditunjukkan misalnya melalui Rukun Negara, Wawasan 2020, Islam Hadhari serta Wasatiyyah di Malaysia ataupun Pancasila yang menjadi falsafah negara di Indonesia.

Birokrasi, terutama dari kalangan elit politik berkuasa memainkan peranan sangat penting di dalam menggerakkan pembangunan dalam sesebuah negara. Tugas dan tanggungjawab mereka mencakup aspek perencanaan, pembuatan dasar dan keputusan, pelaksanaan dan juga penilaian tentang usaha serta kegiatan berhubungan pembangunan.

Wajar diingat, pentadbiran pembangunan adalah bidang yang dihidupkan berdasarkan pegangan atau orientasi tertentu membabitkan aspek keluaran seperti pelaburan asing, bantuan asing, pinjaman dan sebagainya. Dengan itu, elit politik memegang tanggung amanah yang penting melangsungkan keadaan sejahtera rakyat dengan cara seberkesan mungkin.

Perlu sistem politik stabil, mapan

Untuk mentadbir pembangunan, sesebuah negara memerlukan sistem politik yang stabil dan mapan. Bagi meneruskan kegiatan dan usaha pembangunan, politik menentukan sama ada perancangan pembangunan yang dibuat akan dapat dijelmakan dengan berkesan melalui pelbagai dasar yang bukan saja berkaitan dengan soal perundangan dan peraturan, malahan membabitkan kelangsungan ataupun penerusan kekuasaan memerintah bagi memungkinkan segala

program diadakan dengan cekap dan berkesan serta diterima rakyat.

Satu daripada unsur penting yang menggambarkan kewibawaan pembangunan sesebuah negara ialah kepekaan terhadap perkembangan semasa di peringkat antarabangsa. Pentadbiran pembangunan harus peka dengan perkembangan yang berlaku di serata pelusuk dunia. Perkembangan semasa yang meliputi berbagai persoalan sangat penting terutama sebagai input bagi mempertimbang serta menilai keperluan dan juga pelaksanaan pembangunan untuk maksud yang lebih luas.

Walaupun sukar bagi menentukan secara pasti akan petunjuk yang menerangkan pembangunan politik, apabila dilihat secara keseluruhannya, pembangunan politik sekurang-kurangnya memperlihatkan keadaan sesuatu sistem yang mampu bertahan dari segi keupayaannya mengurus dan menangani pelbagai permasalahan dalam negara.

Kejayaan mentadbir kekalutan yang ditimbulkan oleh pelbagai masalah seperti ketidaksefahaman ideologi dan prinsip antara pelbagai kaum, pembentukan nilai yang boleh dikongsi bersama, pengagihan kekayaan negara, pengurusan dan pentadbiran pendidikan, serta budaya politik yang matang dan sebagainya adalah sebahagian daripada aspek pembangunan diharapkan daripada politik.

Parti politik bertanggungjawab mendidik dan membudayakan setiap aspek pembangunan, khususnya politik. Seperti yang dilihat hari ini, meskipun hampir-hampir semua warganegara diajar untuk bijak dan berani 'menegakkan hak', namun parti politik gagal untuk mengajar warganegara supaya terlebih dahulu mengutamakan tanggungjawab sebelum cuba untuk pandai menuntut hak. Menuntut hak semata-mata tidak ada kaitan sama sekali dengan 'demokrasi'.



Prof. Dr. Sains Politik
Fakulti Sains Pentadbiran dan
Pengajian Polisi, Universiti
Teknologi MARA